

05/05/1997

Pelatih edar dadah dipindah

Jalal Ali Abdul Rahim

GERIK, Ahad - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengarahkan semua komandan pusat serenti di seluruh negara memindahkan pelatih yang disyaki terbabit mengedar dadah ke pusat lain, setelah menjalani soal siasat polis bagi mengelakkan perkara tidak diingini.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata tindakan itu perlu kerana pelatih terbabit mungkin bertindak membalas dendam dengan melakukan kekecohan apabila dihantar kembali ke pusat asal.

"Langkah itu bertujuan mengelakkan pelatih membalas dendam kepada pentadbiran pusat berkaitan, dengan mengambil tindakan ganas seperti membakar bangunan.

"Jadi, saya minta supaya komandan pusat serenti tidak menghantar pelatih yang disoal siasat oleh polis kerana mengedar dadah ke pusat serenti yang sama kerana ini akan menaikkan kemarahan mereka terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pendidikan Ibu anjuran Umno Bahagian Gerik, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kejadian rusuhan pelatih Pusat Serenti Perlop, Sungai Siput sehingga menyebabkan kebakaran dua blok bangunan pusat itu, pada 30 April lalu.

Rusuhan itu berpunca tiga pelatih yang disoal siasat polis kerana disyaki mengedar dadah, naik berang dan bergaduh dengan pelatih lain di pusat itu.

Megat Junid berkata, kejadian di Pusat Serenti Perlop itu mungkin tidak berlaku jika tiga pelatih terbabit tidak dihantar semula ke pusat yang sama.

"Masalah berlaku di Perlop apabila tiga pelatih yang disyaki mengedar dadah dibawa ke Balai Polis Sungai Siput untuk soal siasat dan sebagainya.

"Kesilapan ialah apabila pihak polis menyerahkan kembali pelatih ini ke pusat serenti. Jadi, mereka geram dan mahu balas dendam. Jadi mereka melakukan pembakaran itu.

"Jika ketiga-tiga mereka tidak dihantar pulang tetapi ditahan, disiasat dan tindakan dibuat, kemungkinan perkara itu tidak berlaku," katanya.

Sehubungan itu, katanya, jalan terbaik sementara menunggu pusat serenti baru siap, semua komandan perlu memastikan pelatih yang disoal siasat tidak dibawa kembali ke pusat yang sama bagi mengelak kejadian itu berulang.

Mengenai siasatan terhadap pelatih, beliau berkata, ia perlu dilakukan bagi memperolehi maklumat pihak bertanggungjawab yang membekalkan dadah kepada pelatih.

Sementara itu, katanya, draf pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memasukkan peruntukan hukuman rotan terhadap pelatih pusat serenti yang melarikan diri sudah dihantar kepada Peguam Negara untuk kajian, sebelum di bawa ke Kabinet dan dibentangkan di Parlimen.

"Mengikut cadangan asal, hanya pelatih pusat serenti yang melarikan diri bagi kali kedua akan dirotan, tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan hukuman sebatan dibuat jika mereka melarikan diri bagi kali pertama," katanya.

Megat Junid berkata, draf itu antara lain membabitkan hukuman rotan ke atas kakitangan penjara, pusat serenti serta lokap yang didapati mengedar dadah kepada pelatih dan banduan.

Menurutnya, sistem pengawasan polis daerah selama dua tahun terhadap pelatih yang selesai menjalani pemulihan di pusat serenti juga termasuk di

dalam draf itu.

(END)